

1. (a) Yang berikut ialah urusan yang dilakukan oleh beberapa buah syarikat. Urusan ini tidak berkaitan antara satu sama lain.
- i. Pemilik Syarikat Melly Belly menggunakan kenderaan perniagaan untuk tujuan peribadi dan segala perbelanjaan kenderaan dianggap sebagai belanja perniagaan.
 - ii. Syarikat ANZ Sdn. Bhd. telah menggunakan kaedah garis lurus lebih daripada 8 tahun untuk menghitung susutnilai mesin walaupun terdapat kaedah lain yang lebih sesuai.
 - iii. Pembelian kalkulator dimasukkan ke dalam akaun belanja am.
 - iv. Syarikat Isuzu Hicom Malaysia membeli sebuah komputer pada kos RM2,500. Komputer itu dijangka mempunyai usiaguna selama 5 tahun dan tidak mempunyai nilai sisa. Pihak pengurusan telah merekod keseluruhan kos pembelian komputer berkenaan sebagai susutnilai tahunan semasa.
 - v. Kos insurans setahun RM4,800 dibayar bermula pada 1 April tetapi perniagaan hanya mengenakan caj sebanyak RM3,600 ke Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember.
 - vi. Walaupun aliran harga semakin menurun, penilaian stok ikut kaedah penilaian MDKD yang menghasilkan nilai stok akhir yang rendah, masih terus digunakan walaupun mengetahui bahawa jika menggunakan kaedah MKKD, nilai stok akhir akan jadi tinggi kerana syarikat telah mengamalkan MDKD bagi beberapa tahun.
 - vii. Maklumat terperinci tentang saham modal dan rizab Syarikat Indera Mahkota Perdana Berhad telah dilaporkan dalam nota kepada akaun.
 - viii. Syarikat Pekan Bersatu Berhad menyediakan penyata gabungan setiap tahun.

Dikehendaki:

Nyatakan prinsip perakaunan yang dipatuhi atau tidak dipatuhi dalam situasi di atas selain daripada prinsip kos sejarah. [8]

(b) Bagi setiap perkara yang berikut, berikan **sat** contoh dan catatan pelarasan yang diperlukan.

- i. Pewujudan peruntukan.
- ii. Pengiktirafan hasil terakru.
- iii. Pengiktirafan belanja terakru.
- iv. Pengiktirafan hasil daripada penerimaan terdahulu.
- v. Pengiktirafan belanja daripada bayaran terdahulu.

[5]

(c) Yang berikut ialah penyata pendapatan dan kunci kira-kira bagi Syarikat Sungai Lembing Berhad.

Syarikat Sungai Lembing Berhad
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember

	2010	2011
Jualan	1,700,000	1,300,000
Kos barang dijual	820,000	630,000
Untung kasar	880,000	670,000
Jumlah belanja	616,000	496,000
Cukai pendapatan	106,000	36,000
Untung bersih	158,000	138,000

Syarikat Sungai Lembing Berhad
Kunci Kira-kira pada 31 Disember

	2010	2011
Aset Tetap		
Bangunan dan peralatan	1,400,000	1,100,000
Aset Semasa		
Tunai	100,000	60,000
Akaun Belum Terima	180,400	140,800
Inventori	128,000	112,000
	408,400	312,800
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	220,000	244,000
Cukai Belum Bayar	26,000	40,000
	246,000	284,000
Dibiayai oleh		
Saham Biasa	500,000	500,000
Pendapatan Tertahan	960,000	500,000
Bon Belum Bayar	102,400	128,800
	1,562,400	1,128,800

Maklumat tambahan:

- i. Semua jualan adalah secara kredit.
- ii. Inventori pada 31 Disember 2009 adalah RM120,000.
- iii. Jumlah asset pada 31 Disember adalah RM1,020,000.

Dikehendaki:

Hitung yang berikut bagi Syarikat Sungai Lembing Berhad untuk tahun 2010 dan 2011.

- i. Nisbah semasa.
- ii. Nisbah hutang atas jumlah aset.
- iii. Pusing ganti inventori.
- iv. Nisbah jualan atas jumlah aset tetap.
- v. Margin untung bersih atas jualan.
- vi. Kadar pulangan atas jumlah aset.

[12]

2. (a) Ketika menyediakan akaun penamat Syarikat Patin Temerloh Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 30 September 2010, akauntannya mendapati bahawa terdapat beberapa kesilapan catatan telah berlaku bagi perkara yang berikut:
- i. Pihak syarikat telah membuat kesilapan, iaitu terlebih kredit sebanyak RM180 dalam ruangan bank dalam buku tunai, manakala ruangan tunai buku tunai pula terkurang debit sebanyak RM420. Tiada sebarang catatan yang dibuat untuk menangani masalah ini.
 - ii. Bayaran komisen sebanyak RM5500 yang dibuat secara tunai telah dicatat sebagai RM5050 dalam akaun komisen. Tiada sebarang pembetulan yang dibuat terhadap kesilapan ini.
 - iii. Sewa dibayar berjumlah RM3500 tersalah kredit ke akaun sewa diterima.
 - iv. Belanja membaiki kenderaan berjumlah RM1500 telah tersilap didebitkan dalam Akaun Kenderaan.
 - v. Belian alatan pejabat secara kredit berjumlah RM3,200 telah direkodkan dalam Jurnal Belian.

Dikehendaki:

Sediakan catatan-catatan jurnal pelarasan yang sesuai untuk setiap urusan tersebut pada 30 September 2010. [6]

(b) Yang berikut ialah imbangan duga belum terlaras bagi Syarikat Lanchang Kuning Berhad pada 31 Disember 2011.

	Debit	Kredit
Bangunan	468000	
Susutnilai terkumpul bangunan		93600
Kenderaan	70000	
Susutnilai terkumpul kenderaan		7200
Hasil Jualan		392000
Pulangan Jualan	17800	
Inventori 1 Januari 2011	28000	
Belanja gaji	47400	
Belanja sewa	13400	
Pinjaman bank		100000
Belian	128600	
Simpanan tetap	40000	
Tunai di bank	35200	
Belanja pentadbiran dan jualan	16000	
Belanja utiliti	4600	
Insurans pejabat	1200	
Penghutang	64000	
Pemiutang		37800
Modal saham		400000
Rizab hasil	106400	
Rizab modal		10000
Jumlah	<u>1040600</u>	<u>1040600</u>

Maklumat tambahan yang berikut belum diambil kira dalam penyediaan imbangan duga di atas.

- 1) Syarikat telah membuat pinjaman bank pada 30 Jun 2011 dengan kadar faedah 8% setahun. Belanja faedah untuk tahun semasa belum diambil kira.
- 2) Peruntukan hutang ragu ialah 2% daripada jualan kredit. Sebanyak 80% daripada jumlah jualan syarikat ialah jualan secara kredit.
- 3) Peruntukan susutnilai tahunan bangunan dan kenderaan masing-masing pada kadar 10% dan 20% daripada kos belian aset tersebut.
- 4) Insurans adalah untuk tempoh 3 bulan iaitu bulan Disember 2011, Januari 2012 dan Februari 2012.
- 5) Gaji Penyelia Jualan dan Kerani Akaun untuk Disember 2011 yang masing-masing sebanyak RM3000 dan RM1600 belum diambil kira.

- 6) Kos inventori pada 31 Disember 2011 ialah RM31,600. Polisi syarikat adalah untuk menilai inventori pada yang terendah antara kos dengan nilai pasaran. Pada tahun semasa, nilai pasaran inventori ialah RM21,600.

Dikehendaki:

- i. Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan maklumat tambahan tersebut. [11]
- ii. Sediakan penyata pendapatan Syarikat Lanchang Kuning Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. [8]

3. (a) Nyatakan satu perbezaan antara
- i. Saham dengan debentur.
 - ii. Rizab hasil dengan rizab modal.
 - iii. Terbitan hak dengan terbitan bonus.
 - iv. Saham biasa dengan saham keutamaan.
 - v. Dividen saham keutamaan dengan faedah debentur.

[5]

(b) Pada 1 Januari 2009, Syarikat Patin Temerloh Sdn. Bhd. telah menerbitkan 100,000 unit syer biasa dengan nilai par RM1.00 pada premium RM0.20 yang ditawarkan kepada orang ramai, dan dibayar dengan cara-cara yang berikut.

- RM0.30 atas permohonan
- RM0.50 atas perumpukan (termasuk premium)
- RM0.20 atas panggilan pertama
- RM0.20 atas panggilan kedua

Permohonan telah diterima 250,000 syer dan perumpukan dibuat kepada pemohon-pemohon untuk 200,000 syer. Permohonan yang lain ditolak. Wang lebihan yang diterima atas permohonan digunakan untuk perumpukan.

Seorang pemegang saham yang diumpukkan kepadanya 10,000 syer telah gagal membayar wang panggilan pertama, dan syer-syernya dirampas selepas panggilan kedua dibuat. Wang permohonan dan perumpukan, kecuali premium dikembalikan kepadanya. Syer-syer ini kemudian diterbitkan semula pada harga RM0.90 sesyer dan dibayar sepenuhnya.

Pada 1 Januari 2010, Syarikat Patin Temerloh Sdn. Bhd. membuat terbitan hak 100,000 syer biasa dengan nilai par RM1.00 pada premium RM0.50 yang ditawarkan kepada pemegang syer syarikat. Bayaran penuh perlu dibuat semasa permohonan. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal untuk merekod semua urusan tersebut.

[20]

4. (a) Huraikan **dua** sebab mengapa masih banyak peniaga yang menyediakan catatan perakaunan yang tidak lengkap. [4]

(b) Walaupun sudah beberapa tahun Encik Jonas Rivanno menjalankan perniagaan kecil-kecilannya, dia tidak pernah menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Walau bagaimanapun, keperluan untuk mendapatkan pinjaman bank bagi mengembangkan perniagaannya telah memaksa beliau untuk menyediakan akaun akhir bagi tahun berakhir 31 Ogos 2011. Kesannya, maklumat berikut diperolehi setelah menjalankan kajian terperinci.

- i. Aset dan liabiliti Encik Jonas Rivanno seperti berikut:

	1 Sept. 2010	31 Ogos 2011
	RM	RM
Inventori	8,600	16,800
Penghutang	3,900	4,300
Pemiutang	7,400	8,900
Sewa prabayar	300	420
Elektrik terakru	210	160
Baki di bank	2,300	1,650
Tunai di tangan	360	330

- ii. Semua tunai telah dimasukkan ke dalam bank setelah ditolak bayaran berikut:

Ambilan tunai telah dicadangkan dalam lingkungan RM8,000 (tidak direkod)
Upah buruh sambilan RM1,200.
Belian barang untuk dijual semula RM1,800.

- iii. Bayaran bank sepanjang tahun berakhir 31 Ogos 2011 telah diringkaskan seperti berikut:

	RM
Belian	101,500
Sewa	5,040
Elektrik	1,390
Kos pengangkutan (kepada pelanggan)	3,000
Upah buruh sambilan	6,620

- iv. Telah dibuktikan bahawa untung kasar sebanyak 33 $\frac{1}{3}$ % atas kos jualan.

- v. Walaupun jelas bahawa beliau kurang menitikberatkan ketepatan rekod perakaunan, Jonas telah mengeluarkan barang untuk kegunaannya sendiri yang bernilai RM600.

Dikehendaki:

- a) Kirakan jumlah belian dan jualan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2011. [5]
b) Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2011. [8]
c) Sediakan Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2011. [8]

5. Azizah dan Bellina ialah rakan kongsi dan bersetuju untuk membahagi untung sama rata dengan perjanjian berikut:
- i. faedah atas modal 8% setahun
 - ii. ambilan melebihi RM5 000 ke atas akan dikenakan faedah 4% setahun ke atas lebihan itu
 - iii. rakan kongsi Azizah dibayar gaji sebulan RM800 dan Bellina diberi bonus RM1500 setahun
 - iv. muhibah perkongsian akan dikira berasaskan purata keuntungan bagi tiga tahun yang lepas

Pada 31 Oktober 2008, akaun rakan kongsi mempunyai baki-baki berikut:

	<u>Azizah</u>	<u>Bellina</u>
Akaun Modal(RM)	50,000	50,000
Akaun Semasa(RM)	4,200	3,600

Pada 1 November 2008, kedua-dua rakan kongsi telah memutuskan penerimaan Cindy sebagai rakan kongsi baru. Cindy membawa masuk RM100 000 tunai dan sebuah mesin bernilai RM20 000. Nisbah pembahagian keuntungan yang baru adalah sama rata.

Sebagai tambahan, Cindy akan dibayar gaji RM500 sebulan. Beliau juga dijamin oleh dua orang rakan kongsi yang lain bahawa pendapatan gaji tahunan tambah dengan bahagian keuntungan tidak akan kurang daripada RM60 000 setahun. Faedah atas modal dan ambilan rakan kongsi masih kekal sama seperti sebelum kemasukan Cindy.

Keuntungan tiga tahun yang lepas ialah RM55 000, RM105 000 dan RM110 000. Semua rakan kongsi bersetuju supaya muhibah tidak direkodkan dalam buku dan semua pelarasan muhibah dibuat dalam akaun modal.

Untung bersih syarikat bagi tahun berakhir 31 Oktober 2009 ialah RM88 800 sebelum mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- i) Perabot pada kos RM60 000 yang dibeli secara kredit pada akhir bulan Mei 2009 telah direkodkan sebagai inventori oleh kerani perkongsian, manakala inventori yang dijual secara kredit dengan harga RM40 000 pada tarikh yang sama belum direkodkan. Susut nilai perabot ialah 10% setahun.
- ii) Azizah telah mengeluarkan barang niaga berkos RM2 000 untuk keluarga, tetapi perkara ini tidak direkodkan.
- iii) Azizah telah memberi pinjaman RM20 000 kepada syarikat perkongsian pada 1 Februari 2009. Faedah atas pinjaman ialah 4% setahun. Faedah itu dicatatkan dalam buku.
- iv) Bellina mengeluarkan tunai RM1 000 daripada ambilannya dengan membeli almari untuk kegunaan pejabat pada 1 Ogos 2009.

- v) Ambilan tunai rakan kongsi sepanjang tahun seperti berikut:
Azizah RM12 000
Bellina RM 8 000
Cindy RM10 000

Dikehendaki:

- a) i. Sediakan Akaun Modal rakan kongsi pada 1 November 2008 [6]
ii. Kirakan untung bersih selepas pelarasan yang berakhir pada 31 Oktober 2009. [3]
iii. Sediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2009. [6]
iv. Sediakan Akaun Semasa rakan kongsi bagi tempoh berakhir 31 Oktober 2009. [8]
- b) Nyata dan terang Peraturan Garner lawan Murray dalam amalan perkongsian. [2]

6. Bendahari Kelab Badminton Lepar Hilir telah menyediakan akaun penerimaan dan pembayaran seperti di bawah tetapi ahli-ahli mereka telah mengadu mengenai kelemahan dan kekurangan akaun tersebut. Oleh itu, seorang akauntan telah diminta menyediakan akaun untung rugi bagi kedai minuman kelab, akaun pendapatan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira. Bendahari kelab telah memberikan satu salinan akaun penerimaan dan pembayaran bersama dengan maklumat yang berkaitan dengan aset dan liabiliti pada awal dan akhir tahun tersebut.

Kelab Badminton Lepar Hilir			
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2006			
Penerimaan:	RM	Pembayaran:	RM
Baki pada 1.1.2006	524	Pemiutang kedai minuman	3,962
Yuran diterima:			
Tahun 2005	55	Upah Penjaga gelanggang	939
Tahun 2006	1,236	Upah Penjaga kedai minuman	624
Tahun 2007	40	Belanja kedai minuman	234
Jualan kedai minuman	5,628	Belanja membaiki premis	119
Derma	120	Belanja membaiki gelanggang	229
		Belanja setiausaha	138
		Kos pengangkutan	305
		Baki pada 31.12.2006	1053
	<u>7,603</u>		<u>7,603</u>

Maklumat tambahan:

1.

	31.12.2005	31.12.2006
	RM	RM
Stok kedai minuman - pada kos	496	558
Pemiutang kedai minuman	294	340
Belanja am terakru kedai minuman	25	36
Kos pengangkutan	-	65

2. Tanah dan premis dinilai pada 31 Disember 2005. Tanah RM4,000; premis RM2,000. Premis tersebut hendaklah disusutnilaikan sebanyak 10% setahun.

3. Peralatan pada 31 Disember 2005 telah dinilai sebanyak RM550 dan hendaklah disusutnilaikan sebanyak 20% setahun.

948/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Type text]

SULIT*

4. Yuran terakru berjumlah sebanyak RM55 pada 31 Disember 2005 dan sebanyak RM66 pada 31 Disember 2006.

Dikehendaki:

(a) Sediakan:

- i. Akaun Yuran.
- ii. Akaun Perdagangan Kedai Minuman.
- iii. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.
- iv. Kunci kira-kira pada 31 Disember 2006. [20]

(b) Nyatakan sumber-sumber hasil utama bagi organisasi bukan untung. [2]

(c) Jelaskan perbezaan antara yuran tertunggak dan yuran terdahulu. [3]

1. (a) Berikut adalah Baucer Tunai Runcit yang dikeluarkan oleh Perniagaan Sentosa Maju Sdn. Bhd.

BAUCER PEMBAYARAN Perniagaan Sentosa Maju Sdn. Bhd. No 123, Jalan Kuantan -Kemaman 25250 Kuantan Pahang		Bil – 3/10
		Tarikh : 4 Mei 2012
Dibayar kepada : Kedai Runcit Siti Untuk : Alat tulis Amaun : Tiga puluh lima dan sen dua puluh saja. RM 35.20		
Diterima oleh : Anisah		Diluluskan oleh : Ahmad

Sebutkan 5 ciri sistem kawalan dalaman yang terdapat dalam Baucer Tunai Runcit di atas dan bagaimana ciri-ciri tersebut berfungsi sebagai langkah kawalan dalaman.

[10]

(b) Terangkan amalan yang boleh digunakan bagi pengeluaran wang dari dana tunai runcit untuk tujuan kawalan dalaman.

[5]

(c) Sistem perakaunan berkomputer dapat membantu mempertingkatkan sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi. Nyatakan perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan oleh organisasi untuk memastikan sistem perakaunan berkomputer benar-benar memberi manfaat seperti yang diharapkan.

[4]

(d) Berikut adalah item kos yang dilibatkan oleh Syarikat Gempita Bhd. iaitu sebuah syarikat yang mengeluarkan makanan ringan.

	RM
Bahan langsung	50,000
Buruh langsung	65,000
Gaji penyelia kilang	14,000
Gaji pengurus kilang	22,500
Susut nilai mesin	50,000
Gaji pekerja am	7,500
Cukai harta kilang	1,000
Pengiklanan	6,750
Susut nilai peralatan pejabat	900
Insurans kilang	1,500
Bekalan pejabat am	400

Dikehendaki :

Bagi setiap item kos di atas, kirakan jenis-jenis kos berikut :

- (i) Kos overhed
- (ii) Kos penukaran
- (iii) Kos tak langsung

[6]

2. a. Perihalkan *tiga* kaedah yang boleh digunakan untuk menghitung titik pulang modal.

[3]

b. Nyatakan 2 andaian dalam analisis kos volum untung

[2]

c. Power House Sdn. Bhd. adalah pengeluar dua jenama bateri kereta, Power X dan Power XT. Pada tahun 2008, Power X mewakili 60% daripada jumlah jualan dengan nisbah margin caruman sebanyak 40%, manakala Power XT pula mewakili 40% jualan dengan nisbah margin caruman sebanyak 40%. Jualan syarikat pada tahun itu berjumlah RM 80,000 dengan melibatkan kos tetap sebanyak RM10,000.

Dikehendaki;

i Nisbah margin caruman syarikat secara keseluruhan pada tahun 2008

ii Titik pulang modal dalam RM pada tahun 2008

iii Nilai jualan yang diperlukan pada tahun 2009 jika syarikat berkehendakkan untung bersih sebanyak RM 30,00

iv Penambahan jualan yang diperlukan dalam RM untuk setiap keluaran Power X dan Power XT jika keuntungan yang dikehendaki ialah RM 30,000.

v Nilai jualan pada tahun 2009, jika kos tetap dijangkakan meningkat sebanyak RM10,000 dan syarikat ingin mengekalkan keuntungan yang diperolehi pada tahun 2008.

[10]

d. Syarikat Jentayu Sdn Bhd telah membentangkan butir-butir berhubungan dengan pengeluaran yang dilakukan dalam tahun 2010 dan 2011 seperti di bawah;

	2010	2011
Volum Pengeluaran	45,000 unit	55,000 unit
Jumlah Kos	RM 127,500	RM 152,500
Jumlah Hasil	RM 225,000	RM 275,00

Dikehendaki;

i. Titik pulang modal untuk tahun 2011

ii. Jumlah unit yang perlu dikeluarkan serta hasil untuk mendapatkan untung bersih sebanyak RM 20,000.

iii. Berdasarkan soalan (ii) di atas, margin keselamatan di dalam nilai Ringgit dan unit keluaran.

[10]

3.(a) Jelaskan tiga faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan untuk membuat keputusan menerima pesanan khas . [3]

(b)Syarikat MajuBina terlibat dalam industri pembinaan . Maklumat tentang dua projek perlaburan baharu yang sedang dipertimbangkan oleh syarikat itu adalah seperti yang berikut:

Butiran	Projek Y	Projek Z
Pembelian lori	RM 130,000	-
Peralatan pembinaan	-	RM 140,000
Aliran tunai bersih tahunan	RM 25,000	RM 30,000
Jangka hayat projek	9 tahun	9 tahun
Nilai sisa	RM 15,000	RM 4,000

Kos modal 12%

Dikehendaki :

- (i) Dengan menggunakan kaedah tempoh bayaran balik dan kaedah nilai kini bersih,tentukan projek mana yang patut dipilih oleh Syarikat MajuBina bagi setiap kaedah itu. [16]
- (ii) Jika alir tunai tahunan tidak sama,nyatakan bagaimana tempoh bayaran balik dapat ditentukan [2]
- (iii) Nyatakan empat andaian yang digunakan dalam penghitungan nilai kini bersih [4]

4 (a) Pengurus belian Syarikat Global Sendirian Berhad menyemak semula polisi inventori bahan mentah pengeluaran produk jus minuman syarikat, iaitu pati jus buah nanas . Bahan ini dibeli dengan harga RM125 sebotol. Permintaan pati jus buah nanas ialah 2 500 botol setahun. Pengurus belian tersebut menganggar kos untuk memesan dan menerima setiap pesanan pati jus buah nanas berkost RM60. Kos penyimpanan pati jus buah nanas ialah RM2.50 sebotol. Syarikat beroperasi 5 hari seminggu bagi 50 minggu setahun. Masa menunggu adalah selama 1 minggu selepas pesanan dibuat.

Dikehendaki :

- (i) Hitung kuantiti pesanan ekonomi
- (ii) Hitung jumlah kos buah nanas berdasarkan kuantiti pesanan ekonomi
- (iii) Hitung kuantiti pesanan semula
- (iv) Lakar graf keluk pesanan ekonomi [11]

b) Cik Aisyah adalah seorang pekerja yang terlibat secara langsung untuk menghasilkan tudung. Kadar upah normal adalah RM14 sejam. Kadar upah lebih masa adalah $1\frac{1}{2}$ daripada kadar normal. Masa kerja normal ialah 45 jam seminggu.

Dikehendaki:-

- (i) Pada minggu pertama Januari, Cik Aisyah telah bekerja selama 50 jam. Hitungkan jumlah upah yang diterima. Daripada jumlah ini berapakah kos yang dicaj sebagai kos buruh langsung dan kos overhead. [3]
- (ii) Pada minggu kedua Januari, Cik Aisyah bekerja selama 60 jam dengan masa terbiar selama 2 jam kerana kerosakan mesin. Hitungkan jumlah upah yang diterima. Daripada jumlah ini berapakah kos yang dicaj sebagai kos buruh langsung dan kos overhead. [3]
- (iii) Pada minggu ketiga Januari, Cik Aisyah bekerja selama 60 jam. Beliau juga mendapat bonus mingguan sebanyak RM30. Hitungkan jumlah upah yang diterima. Daripada jumlah ini berapakah yang dicaj sebagai kos buruh langsung dan kos overhead. [3]
- (iv) Nyatakan tiga kelebihan penentuan ganjaran berasaskan masa. [3]
- (c) Nyatakan **empat** unsur kos buruh [2]

5. Syarikat Bubble Gummies menggunakan sistem pengekosan piawai. Kos dan kuantiti piawai untuk pengeluaran 100 kilogram (kg) gula-gula getah adalah seperti yang berikut.

	Kuantiti	Harga/kg	Kos(RM)
Getah asas	80	RM 3.00	240.00
Sirap bijirin	20	RM 2.00	40.00
Gula	<u>20</u>	RM 1.00	<u>20.00</u>
	<u>120</u>		<u>300.00</u>

Maklumat mengenai stok dan belian untuk bulan April 2011 adalah seperti berikut

Bahan	Stok awal (kg)	Belian	Stok akhir (kg)
Getah asas	10 000	162 000kg@RM 3.10	15 000
Sirap bijirin	12 000	30 000kg@RM 1.90	4 000
Gula	15 000	32 000kg@RM 1.05	11 000

Bilangan jam buruh langsung untuk menukarkan 120 kg bahan mentah menjadi 100kg barang siap memerlukan 5 jam pada kadar standard RM 2.00 sejam. Bilangan jam buruh langsung sebenar untuk bulan April adalah 9800 jam dengan jumlah upah RM 21 560 dibayar.

Overhead pengilangan akan diperuntukan berasaskan jam buruh langsung dengan jumlah overhead tetap dibelanjawankan berjumlah RM25 000 sebulan dan bilangan jam buruh langsung dibelanjawankan sebanyak 10 000 jam sebulan. Kadar overhead berubah adalah RM3.00 sejam buruh langsung mengikut standard.

Pengeluaran sebenar unluk bulan April adalah 190 000kg gula-gula getah dengan jumlah overhead berubah sebanyak RM30 100 dibelanjakan.

Dikehendaki:

- (a) Hitung kos piawai untuk pengeluaran 100kg gula-gula getah. [5]
 (b) Hitung varians-variens berikut:

- (i) Varians harga bahan langsung
- (ii) Varians penggunaan bahan langsung
- (iii) Varians kecekapan buruh langsung
- (iv) Varians kadar buruh langsung
- (v) Varians volum overhead tetap
- (vi) Varians perbelanjaan overhead berubah
- (vii) Varians kecekapan overhead berubah

[14]

- (c) Apakah perbezaan tindakan yang perlu diambil jika varians didapati negatif atau positif? [6]

6. Syarikat Mentari Sdn Berhad mengeluarkan dan menjual sejenis produk bernama Tip-Top . Data berikut menunjukkan operasi syarikat bagi tahun 2010 dan 2011 :

	2010	2011
Harga jualan seunit	RM20 .00	RM20 .00
Jualan (unit)	12 500	12 500
Inventori awal (unit)	500	500
Inventori akhir (unit)	500	2500
Overhed pengeluaran tetap	RM30 000	RM30 000
Belanja jualan dan pentadbiran tetap	RM45000	RM45000

Kos berubah seunit :	RM
Bahan langsung	5.25
Buruh Langsung	4.25
Overhed pengeluaran	2.00
Jualan dan pentadbiran	0.60

Jumlah keluaran ialah 15,000 unit setahun. Syarikat Mentari Sdn Bhd menggunakan sistem pengekosan marginal dan pelarasan dibuat pada akhir tahun untuk menghasilkan maklumat pengekosan serapan bagi tujuan laporan kepada pihak luar. Perbezaan antara kos marginal dan kos serapan dicajkan kepada kos barang dijual.

Dikehendaki :

- (a) Kirakan volum pengeluaran setahun untuk tahun 2011 [2 ½]
- (b) Sediakan Penyata Pendapatan Syarikat Mentari Bhd. bagi tahun 2011 dengan menggunakan kaedah pengekosan marginal dan kaedah pengekosan serapan [12 ½]
- (c) Hitungkan perbezaan pendapatan operasi pada di atas dan jelaskan mengapa perbezaan ini wujud [4]
- (d) Berikan tiga kebaikan dan tiga kelemahan kaedah pengekosan marginal untuk laporan dalaman [6]

SOALAN TAMAT